

**PROSEDUR PERMOHONAN
RESEARCH EXPANSION FOR COMMERCIALISATION GRANT SCHEME
(RECGS) 2017**

1.0 PENGENALAN

Geran Research Expansion For Commercialisation Grant Scheme (RECGS) 2017 ini adalah bermatlamat membantu menambah baik dan meningkatkan nilai produk serta perkhidmatan yang dihasilkan daripada inovasi penyelidikan bersesuaian dengan kehendak pasaran.

Geran ini adalah inisiatif Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC), Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menyediakan pembiayaan bagi pembangunan produk inovasi di peringkat pra-pengkomersilan dan pengkomersilan selaras dengan dasar kerajaan untuk mengkomersilkan hasil penyelidikan dan inovasi para penyelidik universiti. Seterusnya menjadi pemangkin kepada usaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi menterjemahkan hasil penyelidikan ke arah pengkomersilan. Pada masa yang sama ianya diharap dapat menjana pendapatan serta meningkatkan reputasi universiti di samping menyuntik semangat para penyelidik UUM untuk menghasilkan penyelidikan yang mempunyai nilai komersil yang tinggi dan seterusnya mampu menembusi pasaran global.

2.0 TUJUAN

Geran ini akan membantu para penyelidik UUM untuk mempertingkatkan nilai dan kemampuan produk penyelidikan dan inovasi mereka bagi mencapai potensi komersil dan kebolehpasaran yang tinggi. Secara langsungnya, hasil daripada geran ini dapat membantu menjana pendapatan universiti melalui pengkomersilan produk dan sekaligus memberi impak kepada masyarakat di samping melengkapkan ekosistem inovasi.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini juga terbuka kepada semua bidang penyelidikan dengan hasil inovasi yang memerlukan pembangunan tambahan bagi meningkatkan nilai kebolehpasaran dan nilai komersil. Geran ini terbuka kepada semua penyelidik UUM dengan syarat-syarat berikut:

- 3.1 Warganegara Malaysia.
- 3.2 Keutamaan diberikan kepada staf akademik bertaraf tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan dan Pensyarah).
- 3.3 Bagi staf pentadbiran bertaraf kontrak, termasuk bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama staf akademik warganegara Malaysia yang bertaraf tetap.
- 3.4 Jumlah peruntukan yang dipohon adalah tidak melebihi jumlah siling yang telah ditetapkan.

4.0 PENGUMUMAN TARIKH PERMOHONAN

Permohonan dibuka **sehingga 15 Ogos 2017**.

5.0 PROSES PERMOHONAN GERAN

- 5.1 Permohonan perlu menggunakan borang yang telah disediakan.
- 5.2 Semua permohonan hendaklah dihantar kepada sekretariat di:

Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC)
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok
Kedah

- 5.3 Permohonan dibuka kepada projek penyelidikan yang mempunyai nilai komersil.
- 5.4 Pihak penyelidik perlu mengemukakan perancangan yang telah/akan diperoleh sehingga ke tahap pengkomersilan.
- 5.5 Semua permohonan geran perlu dilakukan secara pembentangan di hadapan panel penilaian dalaman/luaran yang akan dilantik berdasarkan kepada bidang penyelidikan yang sama/bersesuaian.

6.0 TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK

Tempoh maksimum pelaksanaan projek adalah selama dua belas (12) bulan.

7.0 SKOP PEMBIAYAAN

- 7.1 Produk/hasil penyelidikan mestilah berpotensi untuk menjana pendapatan kepada UUM; dan
- 7.2 Produk/hasil penyelidikan mestilah merupakan suatu penemuan/ciptaan yang unik dan berasaskan ilmu/pengetahuan baru; atau
- 7.3 Produk/hasil penyelidikan mestilah merupakan suatu penemuan/ciptaan yang memberi impak kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan kualiti dan taraf hidup sama ada di peringkat nasional atau sejagat; atau
- 7.4 Produk/hasil penyelidikan berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.
- 7.5 Geran ini boleh digunakan untuk tujuan pengkomersilan produk/hasil iaitu:
 - Untuk memastikan ia memenuhi spesifikasi industri atau pengguna, seperti peringkat *upscaling* dan *ready to market*.
 - Untuk menyertai pameran dan promosi produk/hasil untuk tujuan pendedahan kepada umum.

8.0 KUANTUM PEMBIAYAAN

Jumlah maksimum yang diperuntukkan bagi setiap projek adalah sebanyak RM20,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja) bagi projek Sains dan Teknologi (S&T) dan RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) bagi projek bukan S&T.

9.0 PERATURAN KEWANGAN

Semua penyelidikan mesti mengikut Peraturan Kewangan Universiti.

10.0 PENILAIAN PERMOHONAN GERAN

- 10.1 Penilaian geran akan dibuat oleh panel dalaman yang terdiri daripada pensyarah yang bersesuaian dengan penyelidikan dan/atau juga panel luaran jika perlu.

10.2 Jawatankuasa Penilaian geran akan memperakukan keputusan permohonan

dan memaklumkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI).

10.3 Penilaian akan dibuat berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang

telah ditetapkan seperti yang termaktub di dalam Perkara 3.0 dan Perkara

7.0.

10.4 Carta alir permohonan adalah seperti di Lampiran A.

11.0 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

Surat kelulusan projek akan dimajukan kepada Ketua Projek dan salinan akan

diberikan kepada ahli projek oleh pihak RIMC.

12.0 PEMANTAUAN PROJEK

12.1 Projek yang telah dianugerahkan geran penyelidikan ini akan dipantau dari

aspek kemajuan projek oleh ICC dan perbelanjaan kewangan oleh RIMC.

12.2 Pembelian aset adalah hak milik UUM dan sebarang pelupusan aset

hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan.

12.3 UUM berhak untuk menggantung atau menarik balik sokongan untuk projek

yang telah berjaya mendapatkan peruntukan geran sekiranya terdapat

ketidakpatuhan kepada perjanjian.

13.0 HASIL PENYELIDIKAN

13.1 Penyelidik dimestikan untuk menghasilkan *industry level* prototaip atau produk yang memenuhi ciri-ciri/objektif yang diluluskan.

- 13.2 Penyelidik dikehendaki untuk memohon perlindungan paten atau mana-mana harta intelek (*intellectual property*) seperti hakcipta, trademark atau lain-lain yang bersesuaian ke atas hasil penyelidikan itu melalui ICC.

14.0 IMPLIKASI PROJEK

Semua projek yang berjaya mendapatkan geran akan dipantau daripada aspek:

14.1 Prestasi projek

Projek yang menerima geran akan dipantau berdasarkan kepada carta pembatuan (*Gantt chart*) yang perlu disediakan oleh pemohon. Ketua Projek perlu menghantar laporan prestasi setiap 3 (tiga) bulan sekali kepada ICC dan RIMC dan perlu dibentangkan kepada Jawatankuasa Penilai.

14.2 Prestasi kewangan

Laporan kewangan juga perlu disediakan dan diserahkan kepada ICC dan RIMC dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Penilai setiap 3 (tiga) bulan seperti mana laporan prestasi projek.

15.0 PERANAN PENYELIDIK

- 15.1 Memastikan memohon geran pengkomersilan/luaran bagi projek yang mempunyai potensi besar untuk dikomersilkan serta dilihat mampu dapat menembusi pasaran dan bersedia untuk dipasarkan (*ready to market*).
- 15.2 Memastikan borang permohonan/kemajuan/pemantauan diisi dengan lengkap dan sempurna dan dihantar mengikut jadual.
- 15.3 Melaksanakan penyelidikan dengan baik dan beretika serta mengikut prosedur yang ditetapkan serta sentiasa menjaga nama baik universiti.
- 15.4 Memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut jadual dan diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 15.5 Mengemukakan laporan kemajuan secara berkala dan laporan akhir kepada sekretariat.

16.0 SYARAT TAMAT PENYELIDIKAN

Penyelidik perlu memenuhi syarat tamat penyelidikan seperti berikut:

- 16.1 Laporan penyelidikan; DAN
- 16.2 Sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan berindeks/SCOPUS; DAN
- 16.3 Sekurang-kurangnya satu (1) pendaftaran harta Intelek (IP); DAN
- 16.4 Sekurang-kurangnya satu (1) penghasilan prototaip/produk.

17.0 DEKLARASI

Semua maklumat di atas adalah tertakluk kepada pindaan yang dibuat oleh UUM. Maklumat terkini boleh didapati daripada laman web ICC.